

05 NOV 1998

APEC-BERITA-WOLF

APEC BOLEH BANYAK MEMBANTU ANGGOTA DILANDA KRISIS EKONOMI

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) boleh banyak membantu untuk menyelesaikan krisis kewangan Asia, kata penyelaras Amerika Syarikat bagi Apec, Duta John S Wolf, hari ini.

Beliau berkata ketika ini forum itu tidak melakukan yang secukupnya untuk menyelesaikan masalah kewangan dan ekonomi Asia.

"Ia masih belum diselesaikan," kata Wolf di Dialog Worldnet yang dianjurkan oleh US Information Service, di sini.

Bagaimanapun, Wolf berkata ia tidak boleh diserahkan kepada Apec sendirian untuk menyelesaikan krisis itu apabila kumpulan itu membabitkan proses sukarela, sambil menambah ia juga tidak mempunyai kepakaran yang disediakan kepada agensi seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB).

Ketika dialog itu, Wolf menjawab soalan -- menerusi pancaran satelit dari Washington, -- daripada sekumpulan panel yang terdiri daripada pengarang dan pemberita dari Kuala Lumpur, Jakarta, Seoul dan Canberra.

Beliau menyatakan apabila ketua-ketua Apec bertemu, sebahagiannya datang sebagai ketua yang bertanggungjawab bagi agensi pelbagai hala seperti IMF dan Bank Dunia.

Para pemimpin Apec perlu mengumpulkan cadangan untuk diusulkan ketika mesyuarat IMF, Bank Dunia, Kumpulan Tujuh (G-7) dan Kumpulan 22 serta memberikan "warna" kepadanya, kata Wolf.

"Kami berharap Apec di Kuala Lumpur juga akan mengambil langkah lain," tambahnya.

Wolf berkata untuk menyelesaikan krisis kewangan beberapa keputusan perlu dilaksanakan di ekonomi-ekonomi yang terjejas bagi mengekalkan kestabilan ekonomi makro mereka.

"Keputusan adalah penting untuk memperbaharui institusi kewangan, mencapai pengawasan dan ketelusan ekonomi yang lebih besar dan berupaya untuk mengendalikan kemuflihan," katanya.

Wolf juga ditanya adakah wajar bagi Apec menerima pakai kadar faedah yang seragam bagi mengawal aliran modal dan menyelesaikan kegawatan kewangan lebih cepat daripada membuat penyusunan semula ekonomi makro.

Beliau berkata penyelesaian pada krisis itu adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain, berdasarkan kepada keadaan ekonomi negara masing-masing.

"Saya tidak fikir Apec boleh mencipta satu bentuk penyelesaian tunggal. Kadar faedah seragam bukanlah alternatif berdaya maju disebabkan perbezaan besar dalam kadar faedah anggota Apec," tambah Wolf.

Mengenai rancangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membangkitkan isu mengawal kegiatan spekulatif pedagang matawang ketika mesyuarat Apec yang akan datang ini, Wolf berkata peranan spekulatif dalam sistem kewangan antarabangsa mesti dibincangkan.

Bagaimanapun, beliau berkata perniagaan mesti melindungi nilai diri mereka sendiri, sambil menambah terdapat keperluan untuk mengelak sekatan pergerakan modal kerana ia akan membawa kepada kos pinjaman tinggi bagi negara sedang muncul.

Beliau juga berkata walaupun terdapat perbincangan meluas mengenai isu kemudahruapan modal, tiada sebarang perbincangan serius mengenai perkara itu dibuat.

Wolf juga berkata keputusan pasaran dibuat oleh beribu-ribu individu dan ahli perniagaan.

Mengenai keengganan Jepun agar bersetuju terhadap potongan tarif sukarela Apec dalam industri perdagangan perikanan dan perhutanan, beliau berkata inisiatif Liberalisasi Sukarela Awal Mengikut Sektor (EVSL) tidak akan berjaya melainkan ia mendapat kerjasama penuh daripada semua negara-negara Apec.

EVSL yang bertujuan meliberalisasikan perdagangan dengan mengurangkan atau menghapuskan tarif sejak 12 bulan lalu menjadi mekanisme paling penting Apec ke arah pembentukan realistik pasaran bebas serantau.

Sektor itu yang ditempatkan di bawah pengurangan tarif adalah barang mainan kanak-kanak, perjanjian telekomunikasi dan saling pengiktirafan (MRA), keluaran perhutanan, keluaran perikanan, batu permata dan barang kemas, kelengkapan dan instrumen perubatan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar, tenaga dan kimia.

"Ketika penyertaan adalah secara sukarela, yang paling penting adalah kemasukan ekonomi kedua terbesar di dunia. Ianya tidak memadai dengan hanya menyediakan bantuan kewangan, Jepun mesti membuka pasarannya," kata Wolf.

Apabila ditanya sama ada krisis itu adalah waktu yang tepat bagi Apec untuk membuat pembaharuan daripada liberalisasi perdagangan dan pelaburan kepada pembangunan ekonomi besar-besaran, beliau berkata di forum itu, sepatutnya tidak terdapat perbincangan terhadap kerjasama ekonomi dan teknikal.

"Apabila Malaysia mahu beralih kepada Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP) ia mesti meminda undang-undang bagi membolehkan sektor swasta untuk melabur...dalam Apec ia dipanggil liberalisasi. Kemudiannya pembiayaan dan teknologi diperlukan bagi IPP...dalam Apec ia dipanggil sebagai kerjasama ekonomi dan teknikal," kata Wolf.

Sebagai membalas soalan mengenai sama ada isu hak kemanusiaan dan perbicaraan rasuah bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibangkitkan ketika sidang kemuncak Apec pada 17 dan 18 Nov ini, beliau berkata "ramai orang yang membangkitkan isu mengenai Anwar tetapi Apec berdepan dengan sejumlah besar isu lain."

Beliau juga mengulangi bahawa Presiden AS Bill Clinton akan datang ke Kuala Lumpur sempena dengan sidang kemuncak itu bagi menghadiri mesyuarat pelbagai hala dan perbincangan mengenai kerjasama ekonomi.

-- BERNAMA

AD ZK MA